

29/06/2005

BEKAS WAKIL RAKYAT RAI DR MAHATHIR DI IPOH

IPOH, 29 Jun (Bernama) -- Lebih 900 bekas wakil rakyat seluruh negara akan meraikan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada satu majlis di sini pada 23 Ogos ini.

Majlis jamuan malam "Budi Disanjung Jasa Dijunjung" anjuran Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) itu akan berlangsung di Dewan Bankuet Bangunan Darul Ridzuan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan semua menteri besar dan ketua menteri akan dijemput sebagai tetamu khas pada majlis berkenaan, kata Presiden Mubarak Datuk Abdul Razak Alias.

Bercakap kepada pemberita selepas mengunjungi Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali di sini, beliau berkata majlis itu dianjurkan Mubarak sebagai menghargai jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada bangsa dan negara.

"Sempena majlis itu, kita akan mengadakan tayangan slaid yang memaparkan sejarah perjuangan dan sumbangan Dr Mahathir kepada bangsa dan negara," katanya.

Abdul Razak berkata majlis itu juga diadakan sempena perasmian mesyuarat agung kali ke-2 Mubarak yang akan diadakan di tempat sama pada keesokannya.

-- BERNAMA

MOZ BK